

**D.R. 46/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*] dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “kontrak perkhidmatan” dengan takrif yang berikut:

‘“kontrak perkhidmatan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], seksyen 2 Ordinan Buruh Sabah [*Bab 67*] dan seksyen 2 Ordinan Buruh Sarawak [*Bab 76*];’.

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (“Akta 732”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 732 dalam takrif “kontrak perkhidmatan” selaras dengan takrif “kontrak perkhidmatan” dalam Akta Kerja 1955 [Akta 265], Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] dan Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76]. Pindaan yang dicadangkan akan meluaskan skop “kontrak perkhidmatan” dan kesannya, peruntukan yang berhubungan dengan gaji minimum di bawah Akta 732 akan turut terpakai bagi pekerja di bawah kontrak perantisan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3357]